



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 09 Mac 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Cubaan seludup 17 ekor ayam hidup di Tumpat dipatahkan Maqis

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	14



PENGUAT KUASA Maqis mengeluarkan ayam dari reban ketika operasi rampasan ayam hidup di Tumpat baru-baru ini. - IHSAN MAQIS

Cubaan seludup 17 ekor ayam hidup di Tumpat dipatahkan Maqis

TUMPAT - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) berjaya mematahkan cubaan penyeludup untuk membawa masuk sebanyak 17 ekor ayam hidup secara haram di pangkalan haram Tanjung Pengkalan Kubor di sini pada Isnin lalu.

Maqis dalam satu kenyataan berkata, kegiatan penyeludupan ayam itu dikesan di kawasan pangkalan haram berkenaan dengan menggunakan perahu pada pukul 8 malam.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati, ayam-ayam yang dianggarkan bernilai RM1,700 itu diseludup melalui tebing Sungai Golok.

"Kesemua haiwan itu dirampas selepas didapati tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah.

"Maqis sebagai benteng utama bagi menjaga jaminan bekalan dan keselamatan makanan, khususnya keluaran pertanian yang diimport secara tidak sah akan terus meningkatkan kawalan dan pen-

guatkuasaan undang-undang negara," kata kenyataan itu semalam.

Kenyataan itu turut berkata, kes melibatkan penyeludupan perlu dititikberatkan bagi memastikan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak atau penyakit berbahaya.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Kerajaan banci kerugian petani, penternak

Ratusan arnab, haiwan eksotik sempat dipindahkan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	30

Kerajaan banci kerugian petani, penternak

Oleh **NOR AINNA HAMZAH**
utusannews@mediamula.com.my

PORT DICKSON: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang melakukan banciaan terhadap kerugian yang dialami golongan petani dan penternak yang terjejas akibat banjir di Johor.

Timbalan Menteri, Chan Foong Hin berkata, pihak kementerian menerusi pelbagai jabatan serta agensi sedang memantau situasi bencana itu di Johor yang mempunyai ramai petani sayur-sayuran serta buah-buahan.

"Kementerian melalui pelbagai agensi di lapangan sedang melakukan banciaan, selepas itu

baru kami dapat tentukan jumlah pampasan yang akan disalurkan kepada mangsa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan (NAFEC) 2023 anjuran Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Institut Latihan FAMA di sini semalam.

Johor masih dilanda banjir sejak 28 Februari dan sehingga pukul 12 tengah hari semalam, seramai 41,543 orang direkodkan memabatkan 11,818 keluarga masih berada di 198 pusat pemindahan sementara (PPS) yang dibuka.

Sementara itu Foong Hin berkata, pihak kementerian komited dalam memastikan penggunaan teknologi dalam bidang pertanian di negara ini bagi meningkatkan hasil pertanian selain untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang itu.

Jelas beliau, bidang kejuruteraan pertanian mampu mengubah persepsi golongan muda yang mungkin tidak berminat untuk menggunakan kaedah lama.

Menurutnya, banyak teknologi dalam bidang pertanian sudah tersedia di negara ini namun pihak kementerian berdepan cabaran memastikan adaptasi teknologi tersebut dalam kalangan petani atau pesawah.



SHAHEIZAN Mansor menunjukkan arnab ternakannya yang diselamatkan dari banjir.

Ratusan arnab, haiwan eksotik sempat dipindahkan

MUAR: Pasangan suami isteri lega dan bersyukur kerana sempat memindahkan ratusan ekor arnab yang menjadi sumber rezeki keluarga mereka, termasuk beberapa ekor ayam dan burung yang digunakan sebagai pameran.

Shahrizan Mansor, 41, dan isterinya, Norhafizah Hashim, 38, dari Kampung Liang Batu, Lenga di sini berkata, tiga kandang bersaiz besar menempatkan 200 ekor arnab, lima ekor ayam eksotik serta tiga ekor burung baji itu musnah.

Katanya, selain kandang, ratusan bungkusan daging arnab sejuk beku yang sedia untuk dijual rosak benakut bekalan elektrik ditutup.

"Apabila mendengar kejadian banjir di Labis, Segamat makin buruk, kami pindahkan semua ternakan ke kediaman rakan

di Felda Batu 27, Lenga kerana kedudukannya atas bukit. Sangkar dan beberapa peti sejuk beku hanya diletakkan di tempat lebih tinggi di rumah.

"Air makin naik setinggi dua meter, kami terkedu dan percaya semua barangan elektrik serta kandang haiwan yang dah letak di tempat tinggi pasti terjejas," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan sementara (PPS) di Kompleks Sukan Pagoh di sini.

Jelasnya, kerugian bagi kesemua barangan perniagaan termasuk tiga kandang, peti sejuk dan dua peti sejuk beku dianggarkan mencecah RM30,000.

Dia mengakui, meskipun sedih dengan ujian menimpa, apa yang lebih utama adalah keselamatan ahli keluarganya memandangkan isterinya pula sarat hamil lapan bulan.



KIRA-KIRA 40 hektar sawah di Kahang, Kluang ditenggelami banjir yang pastinya bakal menjejaskan pengeluaran padi tahun ini.

Penternak rugi RM200,000, 50 ekor lembu mati diracun		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	31

Penternak rugi RM200,000, 50 ekor lembu mati diracun

ALOR GAJAH: Dua penter-nak yang juga adik-beradik menanggung kerugian hampir RM200,000 selepas 50 ekor lembu milik mereka ditemukan mati dipercayai diracun di Ma-chap Umbou di sini.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintenden Arshad Abu berkata, haiwan itu sebelum kejadian dibi-arkan berkeliaran men-cari makan dalam ladang kelapa sawit berhampiran dan dipercayai telah menceroboh masuk ka-wasan kebun durian ber-sebelahan, memandangkan terdapat kesan pagar roboh akibat dirempuh.

Jelasnya, satu laporan polis berkaitan kes khianat telah dibuat oleh salah se-orang penternak berusia 43 tahun itu.

"Mengikut laporan dibuat, pengadu menyedari kejadian itu selepas pekerjaanya datang ke ru-mah memaklumkan dua ekor lembu ternakan ke-luarganya telah mati di kebun berhampiran.

"Pengadu dan adik le-lakinya terus ke kebun tersebut dan mendapati 50 ekor lembu ternakan mereka mati di kawasan tanaman berkenaan.

"Kali terakhir pengadu melihat ternakannya ada-lah pukul 6.30 petang kel-marin dan haiwan itu tidak dimasukkan ke dalam kan-dang kerana bimbang hu-jan lebat," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Tambah Arshad, Jaba-tan Perkhidmatan Veteri-nar (JPV) telah mengambil sampel ujian yang mana ia ditemukan mati dengan keadaan mulut berbuih, or-gan keluar darah dan kea-daan dalaman abnormal.

"Anggaran kerugian dialami penternak adalah RM200,000.

"Setakat ini tiada tang-kapan dibuat dan siasatan lanjut dilakukan mengikut Seksyen 428 Kanun Ke-seksaan kerana melaku-kan perbuatan khianat," jelasnya.

Egg-citing carnival for bargain hunters

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
The Star	Events	5



Rodziah (left) learning how to perform cardio-pulmonary resuscitation at a tent during the carnival.



A martial arts demonstration held during the carnival in Padang Meteorite.

Egg-citing carnival for bargain hunters

Tent selling subsidised groceries draws big crowd in Ampang Jaya

By GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

THE main attraction at "Karnival Mesra Selangor" held at Padang Meteorite in Ampang Jaya, Selangor, was the Jelajah Ehsan Rakyat (JER) tent that sold subsidised food items.

Though the tent only opened at 10am, some had arrived as early as 7am so they could be first in line to take advantage of the low prices.

Eggs were sold for RM10 per tray, 1.5kg chicken for RM10, 1kg frozen mackerel (*ikan kembung*) for RM6, 5kg rice for RM10 and five-litre cooking oil for RM25 a bottle. Many who took advantage of the low prices said they were not deterred by the long wait.

"If we can save, why not?" said Kalvindeerjeet Kaur, 38, a mother of four children aged between 10 and 18. Kalvindeerjeet, a housewife, is unable to work as she is a cancer patient.

Her husband, Jakseera Singh, 45, earns about RM3,000 a month as a part-time tour guide.

During the carnival, they had to wait an hour-and-a-half for their turn to buy the items.

Mohd Shah Rizal Sofian, 39, and his wife, Haminah Ahmad Shuhaimi, 39, wished they could have taken better advantage of the subsidised groceries by buying more than the allocated quota.

"We have five children aged between six and 20. One chicken is only going to last a day," said Haminah, a housewife.

Mohd Shah, who has been a civil servant for 20 years, earns about RM3,500 a month. To make their ringgit stretch further, the couple usually shop at wholesale markets.

They also supplement their income by working at a relative's food stall on a part-time basis.

Syahnu Solahudin, 27, the person in charge of the JER tent, said each buyer was limited to two units of rice, cooking oil,



Visitors making a beeline for the Jelajah Ehsan Rakyat tent at Karnival Mesra Selangor where items like eggs were sold for only RM10 a tray — Photos: AZMAN GHANI/The Star

eggs, chicken, fish and meat.

"It depends on the crowd. If there are more people, the limit is only one unit per item," he said.

Ampang MP Rodziah Ismail, who was present, thanked Yayasan Mesra Selangor for organising the event.

In her speech, Rodziah who is also state housing, urban well-being and entrepreneur development committee chairman, said she would ensure people in her constituency were kept informed of the many programmes organised for their benefit.

As such, she urged them to visit her service centre and gave an assurance that representatives would be on hand. She reminded community leaders such as

village heads, area councillors and residents association chairpersons to disseminate information on programmes like JER.

"They should also help identify hardcore poor in their communities," she added.

Among the event highlights were a performance by local artiste Daqmie, telematches and a martial arts demonstration comprising *silambam*, *taekwondo* and *silat*.

Rodziah, accompanied by the foundation's chief executive officer Zahariman Ariffin, also distributed roses in conjunction with International Women's Day.

The event saw free spectacles and food hampers being given as well to the underprivileged.

Volunteers rescue 100 canines, SPCA seeks funds for their upkeep

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
The Star	Events	6



Ong (left) and Lim looking at the puppies that were rescued from the illegal shelter in Machang Bubok.



Some of the dogs kept at the SPCA Seberang Prai animal centre in Juru.

Story and photos by
M. SIVANANTHA SHARMA
north@thestar.com.my

VOLUNTEERS rescued more than 100 neglected canines from an illegal animal shelter in Machang Bubok near Bukit Mertajam, Penang, after the operator was believed to have been detained by police.

Penang Hope of Strays (PHOS) founder Lim Shiang Mey said that upon receiving information about the operator's detention, volunteers from PHOS and Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA) Seberang Prai decided to help the dogs.

She said the animal shelter was

Volunteers rescue 100 canines, SPCA seeks funds for their upkeep

in a bad condition.

All the rescued dogs, she said, were taken to the SPCA Seberang Prai animal centre in Juru, Bukit Mertajam.

SPCA Seberang Prai treasurer Richard Ong said the centre was sheltering about 1,600 canines, including those recently rescued.

"The monthly expenses at SPCA Seberang Prai are between RM40,000 and RM50,000 for the

animals' food, workers' salaries and medical expenses," he said.

"The centre also needs funds to feed the dogs that were rescued from the Machang Bubok animal shelter.

"It may come up to an additional RM7,000 per month to feed these new dogs," Ong said when met at the SPCA Seberang Prai animal centre.

Responding to viral information on social media that the res-

cued dogs would be euthanised, he said it was not true.

"All the dogs are healthy and one of the females had given birth to four puppies on the day they were rescued but only three survived," he added.

Those wishing to contribute, can call Ong at 017-470 3383, SPCA Seberang Prai office at 017-476 8660 or bank into SPCA Seberang Prai's OCBC account number 731-123206-7.

Pantau kemasukan daging dari Brazil

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar harian	Negeri	24

Pantau kemasukan daging dari Brazil

Susulan penyakit lembu gila yang dikesan di negara berkenaan

KUALA LUMPUR

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan terus memantau kemasukan bekalan daging lembu import dari Brazil ke negara ini susulan laporan kes penyakit lembu gila dikesan di Malaysia.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk

Seri Mohamad Sabu berkata, kes tersebut adalah atipikal atau lain daripada kebiasaan dan bukan semua tempat mengalami wabak itu.

"Bagaimanapun, Jabatan Veterinar akan sentiasa memantau proses kemasukannya ke negara ini," katanya kepada pemberita sebagai mengulas mengenai laporan media baru-baru ini yang memetik Kementerian Pertanian Brazil melaporkan satu kes penyakit lembu gila dikesan di negara itu, bulan lalu.

Susulan itu, media antarabangsa pada Sabtu lalu melapor-



MOHAMAD

kan Thailand, Iran dan Jordan telah mengantung sementara import daging lembu dari Brazil.

Mohamad sebelum itu menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Pakatan di antara Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bersama tujuh badan berkanun di bawah kementerian di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini pada Selasa.

Turut menyaksikan perjanjian tersebut ialah Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad. - Bernama

Seludup ayam guna perahu dari Thailand

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Negeri	27

Seludup ayam guna perahu dari Thailand

TUMPAT - Sebanyak 17 ekor ayam hidup dirampas selepas dipercayai diseludup masuk menggunakan perahu melalui Sungai Golok di Pengkalan Kubor, di sini pada Isnin lalu.

Pemangku Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan, Mohd Ariwadi Salleh berkata, pihaknya menerima serahan kes rampasan itu oleh Pasukan Gerakan Am pada jam 8 malam.

"Pemeriksaan lanjut mendapati 17 ayam hidup dianggarkan bernilai RM1,700 dirampas dipercayai dibawa masuk dari Thailand.

"Pengemudi perahu berjaya lolos dan ayam-ayam ditinggalkan di dalam kotak di tebing sungai," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, kesemua tersebut dipercayai untuk pasaran tempatan dan dirampas kerana tidak mempunyai dokumen dagangan sah.

"Perbuatan mengimport ayam hidup adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Mat Sabu tekad kembalikan era kegemilangan Malaysia antara pengeksport utama telur

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Online	



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menyasarkan untuk mengembalikan 'era kegemilangan' negara sebagai antara pengeksport utama telur seperti lima tahun lalu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ia diusahakan menerusi kerjasama dengan pelbagai pihak untuk meningkatkan bekalan telur negara. Katanya, kolaborasi di antara kementerian dan pengusaha industri telur mampu memberi impak positif kepada semua pihak dengan memberi keuntungan kepada penternak dan pada masa sama, mengurangkan beban kenaikan harga yang dihadapi pengguna.

"Benar lima hingga enam tahun lalu Malaysia pengeksport telur, kita akan kembali ke era itu. Insya-Allah kita akan jayakannya dengan cara membantu, berdialog dan berbincang dengan pengusaha-pengusaha telur yang besar seperti di Selangor.

"Mereka juga memberikan respon positif bahawa mereka berupaya pergi ke arah itu dan perkara ini sedang kita usahakan bersama pengusaha telur," katanya pada sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 peringkat dasar di Dewan Rakyat, hari ini.

Selain itu, katanya, kementerian dalam usaha mempergiatkan sektor pertanian jagung bijirin dalam memastikan ketersediaan bekalan makanan bagi sektor penternakan tempatan, sekali gus memulihkan harga ayam dan telur di pasaran. Berhubung Skim Takaful Tanaman Padi, Mohamad berkata, skim yang dilaksanakan oleh Agrobank itu bakal dilancarkan pada Ogos depan.

Dengan jumlah perlindungan sehingga RM100 juta setahun berbanding RM15 juta setahun bagi Tabung Bencana Tanaman Padi, katanya, skim itu bakal menghasilkan industri padi yang lebih mampan dan lestari selain menyumbang kepada keselamatan makanan negara.

Selain itu, beliau berkata, kementerian juga telah mengambil tindakan berhubung kejadian tanah jerlus di beberapa kawasan sawah negara susulan perubahan iklim dan taburan hujan tidak menentu. Katanya, antara langkah diambil kementerian adalah meratakan tanah sawah, menyelenggara batas parit ladang, mengesyorkan penggunaan jentera bersesuaian dan tambah baik fizikal tanah.

Sementara itu, MAFS menerusi Jabatan Pertanian telah merekodkan seluas 103,563 hektar tanah terbiar di seluruh Semenanjung dan sangat mengalu-alukan sebarang usaha atau cadangan untuk memajukan tanah terbiar atau belum dibangunkan bagi tujuan itu.

Mohad berkata, di bawah Rolling Plan ke-3 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM13 juta kepada MAFS untuk membangunkan tanah-tanah terbiar milik agensi dan kementerian bagi tempoh 2023 hingga 2024.

'I will reveal everything... Ini bang Mat la'		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
My Metro	Online	

Kuala Lumpur: Selepas diasak pelbagai pihak supaya mendedahkan syarikat tunggal yang diberi kebenaran mengimport telur dari India, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akhirnya mendedahkan nama syarikat itu dikenali sebagai J&E.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu menangkis dakwaan beberapa pihak mengatakan pihaknya mahu menyembunyikan nama syarikat berkenaan yang didakwa menerima tender rundingan terus.

"Syarikat J&E, pergi check (periksa) tengok siapa Director (Pengarah), Pengerusinya.

"Saya tidak sembunyi apa-apa... I will reveal everything (saya akan dedah semua)...Ini bang Mat la, dah jadi kerajaan ini cakap slow (perlahan) sikit, kalau duduk sebelah sana (pembangkang) seronok, tapi dah duduk sebelah sini (kerajaan) tak mau dah lah pi (pergi) belah sana," katanya dalam sesi penggulungan perbincangan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menerima asakan daripada Datuk Wan Saiful Wan Jan (PN-Tasek Gelugor) dan Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin (PN-Putrajaya) supaya mendedahkan nama tunggal syarikat yang menerima kebenaran mengimport telur dari India.

Baru-baru ini didedahkan syarikat J&E Advance Tech Sdn Bhd adalah pengimport tunggal telur dari India.

Identiti pengimport itu terdedah dalam satu surat tuntutan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Wee Ka Siong.

Syarikat itu menerusi peguamnya S Ravichandaran mendakwa, kenyataan dibuat Ahli Parlimen Ayer Hitam secara langsung menjejaskan perniagaannya.

Sebelum ini, Mohamad mendedahkan kerajaan sudah memberikan kebenaran kepada satu syarikat untuk pengimportan telur dari India tetapi tidak mendedahkan nama syarikat walaupun dipersoalkan semasa sesi sidang Dewan Rakyat.

Syarikat itu diberikan kebenaran berdasarkan pengalaman mereka membawa masuk telur dari India ke Qatar bagi memenuhi keperluan ketika penganjuran Piala Dunia FIFA 2022 di Qatar.

Untuk rekod, sejumlah 13.4 bilion telur dikeluarkan pada 2018 di negara ini, 10.9 bilion (2019); 12.9 bilion (2020); 13.6 bilion (2021), dan 13.3 bilion pada 2022.

Dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini, beliau berkata, sebanyak 2.4 bilion telur dikeluarkan.

Secara puratanya, Malaysia memerlukan 11.6 bilion setahun bagi memenuhi permintaan domestik dengan kadar penggunaan purata 986 juta telur sebulan.

Syarikat import telur dilantik secara runding terus		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Harakah	Online	



KUALA LUMPUR: Pada 5 Disember lalu, beberapa kelulusan projek tebatan banjir bernilai RM7 bilion ditangguh dengan alasan membabitkan kelulusan secara rundingan terus oleh kerajaan sebelum ini.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kerja-kerja projek tebatan banjir ditangguhkan sebelum ini kerana tidak mahu berlaku ketirisan dalam peruntukan. Sedangkan bagi kerajaan sebelum ini, projek tersebut perlu disegerakan memandangkan kejadian banjir semakin menjadi-jadi sekarang berikutan fenomena perubahan iklim. Terbaharu banjir luar jangka melanda Johor.

Bagaimanapun hari ini, Dewan Rakyat diberitahu kerajaan Pakatan Harapan-Barisan Nasional (PH-BN) tetap melaksanakan rundingan terus dengan melantik sebuah syarikat mengimport telur dari India bagi mengatasi kekurangan telur di pasaran.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, akhirnya mendedahkan perkara itu selepas diasak Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin (PN-Putrajaya) dan Datuk Wan Saiful Wan Jan (PN-Tasek Gelugur) tidak dapat berselindung lagi.

Katanya, import telur dari India dianggap dalam keadaan terdesak bagi mengatasi kekurangan di pasaran sekarang. “Sekiranya keadaan di pasaran sudah pulih, kita bersedia untuk mengimport dari negara-negara lain, termasuk dari Turki. Permit import itu diberi kepada syarikat terbabit hanya untuk tempoh jangka pendek.

“Kalau syarikat terbabit tidak ikut peraturan, kerajaan boleh hentikan pada bila-bila masa,” katanya ketika menggulung perbahasan Bajet 2023 peringkat kementerian di Dewan Rakyat, hari ini. Selepas didesak Wan Saiful, akhirnya menteri menyebut nama syarikat yang diberi import telur, iaitu JNA.

Mengulas isu serupa, Datuk Dr Wee Ka Siong (BN-Air Hitam) ketika bangun mencelah berkata, sepatutnya kerajaan mengupayakan penternak tempatan dan bukannya berterusan mahu mengimport telur dari luar negara.

Katanya, mengimport telur dari luar tidak menyelesaikan masalah pada jangka panjang kerana ia melibatkan kos yang tinggi.

KPKM sedang nilai kerosakan, kerugian akibat banjir		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Online	



PORT DICKSON: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang menilai dan mengenal pasti kerosakan serta jumlah kerugian sebenar dialami bagi sektor pertanian serta penternakan terutama di Johor yang terjejas akibat banjir ketika ini.

Timbalan Menteri, Chan Foong Hin, berkata ia bagi memastikan semua petani dan penternak yang terjejas akan menerima bantuan sewajarnya selepas proses penilaian dilakukan.

"Ketika ini, pihak kementerian melalui pelbagai agensi di lapangan sedang mendapatkan bancian penuh (mangsa banjir) sebelum kita boleh tentukan berapa jumlah pampasan yang boleh diberikan kepada mangsa.

"Setakat ini belum ada jumlah kerugian sebenar kerana banjir masih belum surut sepenuhnya, kita tak dapat berikan sebelum dapatkan maklumat terperinci," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian Dan Makanan (NAFEC) 2023.

Sementara itu, dalam program berkaitan, seramai 203 peserta menyertai konvensyen yang berlangsung dua hari ini di sini.

"Penganjuran NAFEC 2023 ini juga membabitkan kerjasama 15 penganjur bersama yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan universiti awam.

"Fokus NAFEC 2023 ialah membincangkan teknologi terkini, keperluan dan masalah industri pertanian dan makanan, berkongsi amalan baik pertanian dan makanan sertacadangan penambahbaikan undang-undang terutamanya untuk bidang kejuruteraan pertanian dan makanan," katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM, Datuk Azah Hanim Ahmad dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Nothing to hide: Mat Sabu reveals name of sole Malaysian firm importing eggs from India

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
The Star	Online	



KUALA LUMPUR: The government isn't hiding any details behind the sole Malaysian company allowed to import eggs from India, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

"The company is J&E, check and see who's in there and who's their chairman. I'm not hiding anything. I will reveal everything.

"This is 'abang mat' lah," said Mohamad, in reference to his nickname, during his winding-up speech on Budget 2023 in Parliament on Wednesday (March 8).

Mohamad was responding to a supplementary question by Datuk Wan Saiful Wan Jan (PN-Tasek Gelugor), who asked if the government was hiding the name of the sole company importing eggs from India to Malaysia.

Mohamad was referring to J&E Advance Tech Sdn Bhd, which recently issued two letters of demand against Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) for raising the issue of imported eggs in Parliament recently.

Dr Wee had previously said he is totally unfazed by the two lawsuits and that he would not stop voicing out issues affecting the rakyat in Parliament.

Earlier, Dr Wee asked whether there were any imported eggs that were rejected by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis).

"Whether or not I'm sued, it's not an issue because I want the government to solve this issue," said Dr Wee. Mohamad did not say whether or not any imported eggs were rejected, but said the prices of chicken and eggs can be reduced if grain and corn, which are used as chicken feed, can be produced in various states.

"If the prices of corn can be reduced, chicken and egg prices will recover.

"We want farmers to make money and Malaysians to not bear the burden of increasing prices. We want everyone to feel good and that's what we are hoping for in Malaysia," added Mohamad.

Dr Wee had previously warned that the government would face a barrage of criticisms if the chicken egg shortage was not solved as Ramadan and Hari Raya Aidilfitri drew near.

Presently, imported eggs from India are sold at 50 sen each and local eggs at 41 sen due to price control. Dr Wee also said that many local egg farmers were sustaining losses as production costs are higher than the controlled prices. Mohamad had previously said that the government is providing a 10 sen subsidy for each egg until June.

We have nothing to hide - Mat Sabu		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
New Straits Times	Online	



KUALA LUMPUR: The government has reiterated its stance that it does not hide anything behind its decision to award a contract to a local company on egg importation from India.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the local company, J&E Advance Tech Sdn Bhd was the only Malaysian company granted the award to import eggs from the country.

"You can check and see who the chairman is. This is 'abang mat' lah, I am not hiding anything, (in fact) I will reveal everything," he said during his winding-up speech on the 2023 Supply Bill in Dewan Rakyat, today.

He added that the award given to the company was not through an open tender as the long-standing issue of egg shortage required immediate action by the government.

"We (used) to export eggs five to six years back. However, the Covid-19 situation affected the process and the government issued approved permits to import food from abroad for a short term.

"However, we are strengthening our efforts and holding several engagements with egg suppliers to pile up the (egg) stock in the nearest time, particularly during Eid.

"With a smooth procedure, we hope there will be no more major disasters (happening) in the country (so) things can return to normal," he said.

Last month, Mohamad said the government would only import eggs from India until local supplies stabilise.

He said the measure was taken because local producers were unable to meet the demand which resulted in shortage of eggs in the market

Banjir: KPKM sedang nilai kerosakan, kerugian sektor pertanian dan penternakan		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Awani	Online	

PORT DICKSON: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang menilai dan mengenal pasti kerosakan serta jumlah kerugian dialami sektor pertanian dan penternakan terutama di Johor yang terjejas akibat banjir.

Timbalan Menterinya Chan Foong Hin berkata ia bagi memastikan semua petani dan penternak terjejas menerima bantuan sewajarnya selepas proses penilaian dilakukan.

"Ketika ini, kementerian (KPKM) melalui pelbagai agensi di lapangan, kita sedang mendapatkan bancian penuh (mereka yang terlibat banjir) baru boleh kita tentukan berapa jumlah pampasan yang boleh diberikan kepada mereka.

"Setakat ini belum ada jumlah kerugian sebenar, lagipun banjir belum surut sepenuhnya, kita tak dapat komen sebelum dapatkan maklumat terperinci," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian Dan Makanan (NAFEC) 2023 yang berlangsung dua mulai hari ini di sini.

Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) Datuk Khairul Shahril Idrus hari ini dilaporkan berkata situasi banjir di Johor, Melaka dan Pahang semakin pulih dan akan memasuki fasa pascabanjir dalam masa terdekat.

Setakat pagi tadi, seramai 43,007 mangsa banjir di negeri berkenaan masih ditempatkan di pusat pemindahan sementara dengan Batu Pahat menjadi daerah paling teruk terjejas melibatkan 27,774 mangsa.

Filipina sahkan wabak demam babi Afrika di Cebu		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Online	



MANILA: Jabatan pertanian Filipina hari ini mengesahkan wabak demam babi Afrika di wilayah tengah Cebu, dan sudah mengerahkan pasukan tindak balas untuk mengesan tahap jangkitan.

Biro Industri Haiwan jabatan itu, berkata 58 daripada 149 sampel darah dari Carcar City di Cebu disahkan positif penyakit itu yang tidak berbahaya kepada manusia, tetapi sangat menular dalam kalangan babi. Wabak terbaharu itu menambah senarai kes demam babi Afrika yang aktif di 12 daripada lebih 80 wilayah negara Asia Tenggara itu, berdasarkan data terkini jabatan pertanian. "Semua penternak babi dan pihak berkepentingan digalakkan untuk melaporkan sebarang kematian dan penyakit babi luar biasa kepada pejabat pertanian/veterinar masing-masing," kata biro itu dalam satu kenyataan.

Demam babi Afrika pertama kali dikesan di Filipina pada 2019, menyebabkan pemusnahan beribu-ribu babi sejak itu dan mengurangkan populasi babi domestik dengan ketara.

Pengurangan bekalan daging babi domestik mendorong Filipina untuk meningkatkan pengimportan daging apabila harga tempatan meningkat, menambah tekanan terhadap inflasi.

Kuching bakal tumpuan pencinta haiwan		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Online	



KUCHING: Persidangan Asia untuk Haiwan (AfA) Sarawak 2023 akan berlangsung selama empat hari bermula 11 hingga 14 Oktober depan di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK).

Persidangan dengan tema “Education and Engagement Bring Change” itu juga akan menghimpunkan penceramah, penyelidik kebajikan haiwan, pendidik, pengamal, pelajar dan pencinta haiwan dari seluruh dunia. Acara itu juga dianjurkan oleh “Asia for Animals Coalition” bersama dengan Persatuan Pencegahan Kekejaman Terhadap Haiwan Sarawak (SSPCA) dan turut disokong oleh “Business Events Sarawak” (BE Sarawak).

Sehubungan itu, Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Dr Sim Kui Hian berkata, Sarawak bertuah kerana mempunyai pelbagai organisasi yang sanggup bekerjasama untuk menjayakan program berkenaan.

Beliau berharap semua pihak dapat mengambil peluang untuk belajar menerusi pelbagai topik mengenai kebajikan yang akan dilaksanakan menerusi program komprehensif ini.

“Persidangan ini merangkumi lima bidang utama iaitu kesihatan manusia dan haiwan; komunikasi, pendidikan dan penyelidikan, interaksi haiwan dan manusia, perdagangan hidupan liar; serta pusat menyelamatkan dan haiwan dalam kurungan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena AfA Sarawak 2023 di BCCK, dekat sini, semalam.

Sementara itu Presiden SSPCA Datin Dona Drury-Wee memaklumkan persidangan yang diadakan setiap dua tahun sekali itu merupakan perhimpunan terbesar organisasi kebajikan haiwan di Asia yang bertujuan untuk berkongsi maklumat, menyerlahkan amalan terbaik dan membina strategi bagi meningkatkan kehidupan haiwan di Asia. “Justeru, kita berbangga kerana telah memenangi bidaan untuk menjadi tuan rumah persidangan ini buat kali kedua di Kuching menewaskan dua lagi rakan gabungan dalam proses pemilihan.

“Ini kerana, kita melihat persidangan AfA menyediakan platform untuk memberi inspirasi dan mendidik masyarakat, sukarelawan, kakitangan, pekerja majlis kita sendiri sekali gus dapat membantu menyampaikan mesej kepada belia hari ini,” ujarnya.

Dalam pada itu, Dona memberitahu pihaknya menjangkakan seramai 500 peserta akan terlibat dalam acara yang akan melibatkan 60 orang penceramah tersebut.

“Kami berharap semua mereka yang terlibat dalam penjagaan haiwan, sama ada mereka yang memelihara, ladang atau haiwan liar, akan datang dan menyertai kami pada Oktober sekali gus menjadi sebahagian daripada persidangan ini,” tegasnya.

Pendaftaran awal untuk AfA 2023 kini dibuka, dengan mata CPD tersedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web persidangan di asiaforanimals.com/conference-2023 atau e-mel alcila@placeborneo.com. Datuk Bandar Kuching Utara Datuk Junaidi Reduan; Datuk Bandar Kuching Selatan Datuk Wee Hong Seng; dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) Dr Adrian Susin Ambud turut hadir.